

# Pupuk budaya susun pinggan lepas makan

**SETIAP** hari, kedai makan atau restoran menjadi salah satu tempat yang 'wajib' dikunjungi. Selain faktor 'gantung kualiti', keperluan mencari nafkah di tempat kerja juga memerlukan kita mengunjungi tempat ini apabila tibanya masa rehat.

Bukan isu gantung kualiti yang ingin penulis ketengahkan, tetapi pemerhatian penulis tentang sikap kebanyakan pengunjung restoran yang sangat kurang kesedaran sivik.

Benar, kita bayar untuk makan di situ, tetapi ia bukan tiket untuk kita biarkan meja bersepah begitu sahaja selepas makan dan terus berlalu pergi tanpa sekelumit pun rasa bersalah.

Situasi ini menyebabkan penulis sedikit terkilan kerana ia jelas menggambarkan sikap sombong dan pentingkan diri sendiri seseorang.

Bukan diminta untuk basuh segala, sekurang-kurangnya susun pinggan mangkuk, cawan dan kutip sisa makanan atau tisu yang sudah digunakan, letakkan di satu tempat.

Usaha yang kecil, tetapi impaknya sangat besar kepada diri sendiri kerana tindakan mencerminkan siapa diri kita, selain memudahkan pelayan membersihkan meja untuk digunakan pelanggan seterusnya.

Bagi ibu bapa, mulakan dengan diri sendiri, kemudian didiklah



anak-anak untuk melakukan perkara sama. Abaikan sindiran orang, malah lakukan dengan bangga, sekali gus ia menjadi budaya yang berjaya dipupuk dalam keluarga.

Pegawai Psikologi Kanan, Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata, faktor utama wujudnya tingkah laku ini disebabkan dasar fahaman dan persepsi yang dipegang sesetengah masyarakat yang terikat pada amalan lama.

"Masih ramai masyarakat kita di takuk pemikiran lama yang anggap pekerja sudah ada dan dibayar gaji. Maka itu kerja mereka, sedangkan fahaman ini tidak menunjukkan tata susila dan imej diri yang tinggi hanya dengan mengemas meja makan sendiri di restoran.

"Jika mereka membuka minda dan pergi ke negara luar yang lebih maju seperti Australia atau Jepun, amalan kemas atau buang sisa makanan sendiri adalah kebiasaan yang dipraktikkan tanpa ragu," katanya.



Benar, kita bayar untuk makan di situ, tetapi ia bukan tiket untuk kita biarkan meja bersepah begitu sahaja selepas makan dan terus berlalu pergi tanpa sekelumit pun rasa bersalah."

Katanya, amalan ini perlu dipraktikkan bagi menunjukkan nilai budaya yang semakin tinggi dan mementingkan kebersihan serta kekemasan.

"Nilai moral seseorang individu tidak akan pernah tercalar dengan melakukan hal ini, malahan lebih dipandang tinggi kerana ia amalan budaya kelas tertinggi.

"Kesimpulannya, biasakan yang betul dan betulkan yang biasa. Maka hidup akan lebih sejahtera," katanya.

Jadi, sempena tahun baharu ini, penulis suka menyarankan kepada semua untuk segera pupuk budaya ini dalam diri dan keluarga masing-masing.

Tiada apa yang hendak dimalukan, malah berbanggallah kerana anda berjaya mencipta amalan yang mudah, namun berimpak tinggi dalam pembentukan akhlak sejagat.